

15/12/1997

Ekuiti insurans kekal (HL)

ullah

KUALA LUMPUR, Ahad - Malaysia bertegas tidak akan menggugurkan syaratnya supaya syarikat insurans asing mengurangkan ekuiti mereka kepada 51 peratus, walaupun Amerika Syarikat mengancam akan mengenakan diskriminasi terhadap negara ini.

Sebaliknya, Malaysia hanya akan membuka sektor perkhidmatan kewangan seperti yang dipersetujui di bawah Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), berasaskan keupayaannya serta berdasarkan kriteria yang objektif.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang mengulangi komitmen kerajaan untuk mempercepatkan lagi proses liberalisasi, bagaimanapun mahu memastikan keupayaan domestik mencapai tahap memuaskan terlebih dahulu.

"Kita komited terhadap liberalisasi, tetapi kita akan memastikan keupayaan kita mencapai tahap yang memuaskan sebelum prosesnya dipercepatkan," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Karnival Sukan Untuk Semua (Kesuma) 1997 di Dataran Merdeka, di sini hari ini.

Amerika Syarikat memberi amaran akan mengenakan diskriminasi terhadap Malaysia jika Kuala Lumpur tetap tidak menggugurkan keperluannya supaya syarikat insurans asing mengurangkan ekuiti mereka kepada 51 peratus.

Wakil Perdagangan Amerika, Charlene Barshefsky, dilaporkan berkata perunding Amerika di Geneva mengecualikan Malaysia daripada tawarannya untuk menghapuskan halangan kepada urusan niaga perkhidmatan kewangan sejagat.

Beliau berkata demikian di Washington, beberapa jam selepas 132 negara mencapai persetujuan di WTO untuk membuka pasaran perkhidmatan kewangan kepada pelabur asing.

Di bawah perjanjian WTO, Malaysia menawarkan 51 peratus pemilikan asing dalam syarikat insurans yang diperbadankan di Malaysia, berbanding 30 peratus pada masa ini.

Walaupun ini bermakna Malaysia membuka pasaran insuransnya kepada penguasaan syarikat asing, masalahnya bagi Washington ialah American International Group (AIG) yang berpusat di New York sudah memiliki 100 peratus ekuiti dalam American International Assurance (AIA) sejak 50 tahun lalu.

Ini bermakna, AIA kekal diperlukan menjual ekuitinya sehingga 49 peratus kepada pihak tempatan.

Barshefsky berkata, berikutan Malaysia enggan menggugurkan dasar pengurangan ekuiti asingnya, Amerika boleh mengenakan diskriminasi terhadap Kuala Lumpur.

Sementara itu, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata tahap 51 peratus pemilikan maksimum dalam syarikat insurans tempatan adalah sesuatu lebih baik berbanding 49 peratus sebelum ini.

"Tawaran Malaysia yang membabitkan peningkatan pemegangan ekuiti asing sehingga 51 peratus dalam sektor insurans sudah diterima anggota WTO.

"Amerika turut memasukkan beberapa syarat atau tawaran balas dalam cadangan mereka. Ini termasuk menghalang kemasukan syarikat insurans baru ke Amerika dan penubuhan cawangan bank baru di negara berkenaan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas perbincangan dua hala antara Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan Pengerusi Majlis Ketenteraman dan Pembangunan Myanmar, Than Shwe di sini, hari ini.

Rafidah juga mengulangi pendirian kerajaan sektor perkhidmatan kewangan

akan dibuka berdasarkan keupayaan Malaysia yang memberi penekanan terhadap keadaan semasa.

Menurutnya, ketika ini sudah wujud penyertaan asing yang tinggi dalam sektor insurans dan perbankan tempatan.

Rafidah berkata, hampir tiga suku perniagaan insurans nyawa di Malaysia dijalankan oleh syarikat asing manakala sementara perniagaan insurans am, yang tidak terlalu menguntungkan, dijalankan oleh firma Malaysia.

(END)